

RISALAH FAKTA: MENGENALI GLOBAL NETWORK INITIATIVE (GNI)

- GNI telah **dilancarkan pada 2 Oktober 2008**, susulan dua tahun perbincangan dan rundingan antara pelbagai pihak berkepentingan.
- GNI ialah perikatan lebih 60 syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), **organisasi masyarakat sivil (CSO)** (termasuk kumpulan hak asasi manusia dan kebebasan akhbar), **pelabur**, serta **ahli akademik**.
- GNI berpangkalan di **Washington, D.C.**, dan **Amsterdam**, dengan ahli pasukan berlokasi di Bandar Raya New York.

MISI

Misi *Inisiatif Rangkaian Global* (Global Network Initiative, GNI) adalah untuk melindungi dan memajukan hak kebebasan melahirkan pendapat dan hak privasi dalam industri ICT dengan menetapkan standard global untuk pembuatan keputusan yang bertanggungjawab dan memberi suara kepada berbilang pihak berkepentingan dalam menghadapi sekatan dan tuntutan kerajaan.

GNI melaksanakan misinya melalui empat tonggak strategik, di bawah arahan dan operasi struktur tadbir urus organisasi ini. Tonggak strategik ini adalah:

1. Menyediakan **rangka kerja** bagi membolehkan pembuatan keputusan yang bertanggungjawab
2. Memupuk **akauntabiliti** bagi mewujudkan kepercayaan
3. Memperkasa **dasar** bagi menggalakkan hak asasi manusia
4. Mengupayakan **pembelajaran** bagi membentuk amalan terbaik

TADBIR URUS

Piagam Tadbir Urus GNI mentakrifkan peranan dan tanggungjawab para peserta organisasi ini. Pengarah Eksekutif GNI dan sejumlah kecil kakitangan mengendalikan aktiviti harian GNI, manakala seorang Pengerusi Bebas mengetuai Lembaga Pengarah yang terdiri daripada wakil syarikat dan bukan syarikat yang seimbang

bilangannya. GNI berdaftar sebagai organisasi bukan untung di bawah undang-undang A.S.

AHLI

Keahlian GNI yang kian meningkat merangkumi syarikat-syarikat ICT, organisasi masyarakat sivil, ahli dan institusi akademik, serta pelabur dari Afrika, Asia, Eropah, Amerika Latin, Amerika Utara, dan Timur Tengah.




Semua ahli mempunyai komitmen yang sama terhadap Prinsip GNI serta dokumen teras GNI, sambil menyumbang kepada pembelajaran bersama, akauntabiliti, dan tindakan kolektif dalam kalangan peserta GNI.

PAUTAN

- [Komitmen Teras](#)
 - [Prinsip GNI](#)
 - [Garis Panduan Pelaksanaan](#)
 - [Akauntabiliti, Dasar dan Rangka Kerja Pembelajaran](#)
 - [Piagam Tadbir Urus](#)
- [Lembaga Pengarah](#)
- [Senarai Ahli](#)
- [Penilaian Syarikat](#)
 - [Kit Peralatan Penilaian](#)
 - [Laporan Penilaian Awam 2018/19](#)
- [Laporan Tahunan](#)
- [Ulang Tahun Kesepuluh GNI](#)
- [Daftar untuk Menerima Maklumat Terkini Suku Tahunan melalui E-mel](#)



KOMITMEN & RANGKA KERJA TERAS

-  **Prinsip GNI** menyatakan komitmen menyeluruh para ahli untuk bekerjasama dalam memajukan hak pengguna untuk melahirkan pandangan secara bebas serta privasi. Prinsip ini memberi panduan peringkat tinggi kepada industri ICT tentang cara menghormati, melindungi, dan memajukan hak pengguna untuk melahirkan pandangan secara bebas dan privasi, termasuk apabila berhadapan dengan tuntutan penapisan dan pendedahan maklumat peribadi pengguna oleh kerajaan.
-  **Garis Panduan Pelaksanaan** ini menawarkan panduan yang lebih terperinci kepada syarikat-syarikat ICT tentang cara mengamalkan Prinsip ini, selain menyediakan rangka kerja untuk kolaborasi dalam kalangan syarikat, CSO, pelabur, dan ahli akademik.
-  Prinsip dan Garis Panduan Pelaksanaan ini berpaksikan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa dan menerima pakai maklumat daripada [*Prinsip Panduan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia \(United Nations Guiding Principles on Business and Human Rights, UNGP\)*](#).

AKAUNTABILITI

Syarikat-syarikat dipertanggungjawabkan menerusi sistem penilaian pihak ketiga bebas yang menilai pematuhan syarikat terhadap Prinsip dan Garis Panduan Pelaksanaan yang berkaitan. Syarikat-syarikat juga dikehendaki mempamerkan pelaksanaan Prinsip dan Garis Panduan ini dengan niat yang baik, serta memperlihatkan peningkatan dari semasa ke semasa.

Proses penilaian dilaksanakan setiap dua tahun. Terdapat kelewatan antara penilaian tahun 2015/16 dengan 2018/19 disebabkan proses mengemas kini kaedah penilaian, membangunkan Kit Peralatan Penilaian, serta merancang penilaian bagi meningkatkan bilangan syarikat yang menjadi ahli.

DASAR

Kami telah memanfaatkan suara pelbagai pihak berkepentingan GNI yang unik, tentang keutamaan dasar yang telah dikenal pasti oleh ahli, termasuk pengawalaturan kandungan, pengawasan, dan gangguan rangkaian. Kami telah mengeluarkan pernyataan serta komen tentang usul kawal selia yang berkaitan, melibatkan pembuat dasar, dan menyertai inisiatif global seperti Freedom Online Coalition dan Christchurch Call untuk mengetengahkan keutamaan ini.

PEMBELAJARAN

GNI sering memudahkan peluang bagi membolehkan ahli berkongsi kepakaran dan memupuk pembelajaran secara rahsia merentas kawasan tentang teknologi baru muncul, amalan perniagaan yang bertanggungjawab, serta situasi yang mencabar.

GNI menerbitkan laporan tahunan tentang aktiviti organisasi serta laporan penilaian awam setelah melengkapkan proses penilaian berkala yang berkaitan. GNI turut menyiarkan pernyataan dan penerbitan lain di laman web dan mengeluarkan surat berita melalui e-mel setiap suku tahun. Anda boleh ikut GNI pada media sosial di [Facebook](#), [LinkedIn](#), dan [Twitter](#).

